

NO SOALAN : 100

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @  
WONG NYUK FOH  
(SANDAKAN)**

**TARIKH : 31.07.17  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan meneruskan kontrak penyelenggaraan dua buah kapal selam sedangkan kontrak lama tersebut yang telah membelanjakan RM1.7 bilion setiap tahun ini sudah tamat pada 31 Mei 2017 yang lalu.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kenyataan bahawa kontrak selenggaraan sebanyak RM1.7 bilion setahun adalah tidak tepat. Nilai kontrak selenggaraan yang dikenali sebagai Kontrak *In Service Support* adalah sebanyak Euro 267.51 juta dan RM 694.35 juta untuk tempoh selama lapan tahun.

Kementerian Pertahanan telah membuat kajian yang menyeluruh dan teliti tentang pengurusan senggaraan kapal selam TLDM. Hasil kajian merumuskan kontrak senggaraan adalah satu imperatif dalam memastikan kedua-dua kapal selam dapat melaksanakan tugas operasi dengan selamat dan berkesan.

Justeru, Kementerian Pertahanan akan meneruskan kontrak senggaraan tertakluk kepada terma dan syarat yang akan diputuskan kelak.